



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA
BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN
KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI “CAKNO LOGHAT KELATE”

Kelantan, 5 Mac 2024 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Bicara Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti “Cakno Loghat Kelate” di Grand Riverview Hotel, Kota Bharu, Kelantan.

Pelaksanaan program bicara bahasa pada kali ini dianjurkan selepas pelaksanaannya di lima negeri pada tahun 2023, iaitu di Pahang, Sabah, Perak, Sarawak dan Utara (Kedah, Pulau Pinang dan Perlis). Menyedari kepentingan bahasa sebagai warisan dan agen pengukuh perpaduan antara kaum dan etnik di negara ini, Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia mengambil langkah proaktif untuk meneruskan penganjuran program bicara bahasa kolokial di Kelantan. Ia selari dengan inisiatif Ini Warisan Kita yang digagaskan oleh Kementerian dalam melestarikan bahasa sebagai salah satu warisan dan merupakan wadah yang paling utama dalam menyatupadukan masyarakat berbilang kaum dan etnik di Malaysia. Bahasa juga merupakan cerminan budaya dan jati diri sesebuah bangsa.

Program ini diadakan dalam dua sesi, iaitu Sesi Bicara 1 – Konsep dan Penggunaan Bahasa Kolokial yang menampilkan tiga orang Tokoh Pembicara dan seorang Pengerusi Sesi, iaitu:

1. Dr. Rusmadi bin Baharudin
Pengarah, Jabatan Pembinaan Bahasa dan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka
Topik: Konsep dan Penggunaan Bahasa Kolokial Kelantan

2. Dr. Nur Azuki bin Yusuff
Felo PEMIKIR, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan
Topik: Penggunaan Bahasa Kolokial Kelantan Mengikut Jajahan

3. Encik Mohd Sulhie bin Yusof
Penggiat Seni/ Pengarah Urusan Akademi Arjunasukma
Topik: Penggunaan Bahasa Kolokial Kelantan dalam Seni dan Budaya

4. YBrs. Prof. Madya Dr. Norhayati binti Ab. Rahman
Pensyarah Kanan, Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian
Melayu, Universiti Malaya
Pengerusi Sesi

Sesi Bicara 2 – Bahasa Kolokial Masyarakat Setempat juga menampilkan tiga orang Tokoh Pembicara dan seorang Pengerusi Sesi, iaitu:

1. Prof. Dr. Aweng a/l Eh Rak
Timbalan Pengerusi, Persatuan Siam Kelantan
Topik: Penggunaan Bahasa Kolokial Kelantan dalam Kalangan Masyarakat Siam
2. Dr. Pue Giok Hun
Felo Penyelidik, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia
Topik: Penggunaan Bahasa Kolokial Kelantan dalam Kalangan Masyarakat Peranakan Cina
3. Encik Bidi bin Ronggeng
Batin/ Penghulu Orang Asli Kampung Sangwai (A) Pos Brooke, Gua Musang
Topik: Penggunaan Bahasa Kolokial Kelantan dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli
4. Encik Mohamad bin Haron
Pesara Guru/ Munsyi Dewan/ Pengantara Rancangan “Kayanya Bahasa Kita”
Radio Kelantan FM
Pengerusi Sesi

Pemilihan Bicara Bahasa Kolokial di Kelantan yang mengangkat tema “Cakno Loghat Kelate” (atau mengambil berat loghat Kelantan) ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai penggunaan bahasa kolokial dalam kalangan masyarakat tempatan di Kelantan di samping mendokumentasikan warisan budaya dan bahasa untuk dijadikan rujukan generasi kini dan akan datang.

Kelantan merupakan sebuah negeri yang dihuni oleh 95 peratus orang Melayu. Oleh itu, tidak hairanlah kaum lain yang mendiami Kelantan seperti Cina, India, Siam, Orang Asli dan sebagainya banyak terpengaruh dengan dialek Melayu Kelantan. Namun, wujud perbezaan penggunaan dialek Kelantan yang dituturkan mengikut dua lokasi, iaitu di Hulu Kelantan dan Hilir Kelantan. Hilir Kelantan adalah kawasan di bahagian hilir lembangan Sungai Kelantan, iaitu bermula dari Kuala Krai hingga ke kawasan pesisir pantai, manakala Hulu Kelantan pula merujuk kepada bahagian yang berada di bahagian yang bersempadan dengan Perak, Pahang dan Terengganu, iaitu Gua Musang dan kawasan sekitarnya. Meskipun terdapat perbezaan tetapi masih teguh semangat perpaduan dan kekitaan dalam kalangan masyarakatnya.

Kementerian Perpaduan Negara

22 Februari 2024

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- **Unit Komunikasi Korporat**
 b.p.: Ketua Setiausaha
 Kementerian Perpaduan Negara
 Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
 E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()